



BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA (FINAS)

GARIS PANDUAN / TATACARA PERMOHONAN SURAT PERAKUAN PENGGAMBARAN (SPP)

1. Syarikat filem mesti mempunyai Lesen Pengeluaran Filem (PF) daripada FINAS dan masih sah tempohnya.
2. Mengemukakan permohonan secara atas talian (*online*) melalui Sistem Pengurusan dan Pemantauan Industri Kreatif Negara (SPPIK) di pautan www://sppik.finas.my
3. Mengemukakan permohonan tidak lewat dari tujuh (7) hari sebelum penggambaran dimulakan.
4. Satu permohonan bagi setiap judul filem yang hendak dikeluarkan. Hanya satu permohonan SPP bagi filem yang mempunyai episod.

(Jenis Filem : Animasi, Cereka Pawagam, Cereka TV, Sereka VCD, Dokumentari, Drama TV, Game Show, Muzikal, Pendidikan, Promosi, Realiti TV, Temubual, Video Korporat, Cereka Pendek, Program TV dll)

5. Setiap permohonan hendaklah disertakan dengan maklumat berikut :
 - i. Sinopsis filem yang hendak dikeluarkan, anggaran kos produksi dan senarai tenaga produksi/artis;
 - ii. Jika penggambaran tersebut menggunakan khidmat tenaga pekerja asing perlulah menyertakan salinan Surat Sokongan Kemasukan Pekerja Filem Asing (PFA) dan dokumen kelulusan daripada Jabatan Imigresen Malaysia / *work permit*;
 - iii. Menyatakan jadual dan lokasi penggambaran secara terperinci dan kemukakan nombor telefon Pengurus Produksi (PM) dalam SPPIK;
 - iv. Sekiranya ada perubahan lokasi penggambaran, artis, tenaga kerja dan judul filem, pihak syarikat perlu mengemukakan surat permohonan kepada FINAS sebelum tempoh penggambaran tamat;
 - v. Mengisi Buku Log berkaitan aktiviti penggambaran dan melalui buku log ini pihak syarikat bertanggungjawab sekiranya berlaku sebarang kluster Covid-19 di sepanjang tempoh penggambaran berlangsung;
 - vi. Bagi permohonan SPP adalah penerima DANA FINAS, perlu memuatnaik Surat Tawaran ke dalam SPPIK.

(Perhatian : Semua dokumen perlu dikemukakan melalui *softcopy* format PDF sahaja dimuatnaik dalam sistem SPPIK)

6. Bayaran Surat Perakuan Penggambaran (SPP) sebanyak RM50.00 boleh dibuat secara atas talian (*online*) melalui SPPIK dan sijil SPP boleh dimuat turun/dicetak melalui SPPIK setelah transaksi pembayaran selesai dilakukan.

Pautan SPPIK : www://sppik.finas.my
Website FINAS : <http://www.finas.gov.my>
E-mel : pelesenanfinas@gmail.com
Tel : 03-4104 1300 / 1458 / 1360